



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 12 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAFI YAKIN CAPAI PELABURAN RM350 JUTA DI EKSPLO 2020 DUBAI, BH -ONLINE MAFI SASAR PELABURAN RM350 JUTA DI DUBAI, UTUSAN BORNEO SARAWAK - ONLINE MAFI SASAR PELABURAN RM350 JUTA, UM -ONLINE M'SIA CADANG JADIKAN TOK BALI PELABUHAN HAB HALAL SUMBER MAKANAN DI RANTAU ASIA, BERITA MEDIA CORP -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6.	PIKM PARLIMEN MUKAH 25-26 FEB DI PASAR RAYA NAM LEONG DALAT, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE PENDUDUK GEMBIRA PROGRAM JUALAN KELAURGA MALAYSIA DI FELDA SUNGAI KOYAN, UM -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



12 FEB, 2022

MAFI yakin capai pelaburan RM350 juta di Ekspo 2020 Dubai

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI yakin capai pelaburan RM350 juta di Ekspo 2020 Dubai

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) komited untuk mencapai sasaran pelaburan bernilai RM350 juta sepanjang Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai.

MAFI sebagai hos akan menerajui tema minggu itu di Pavilion Malaysia dari 21 hingga 26 Februari 2022, dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata MAFI sedang berusaha keras untuk mencapai sasaran pelaburan itu dengan memupuk hubungan dan perkongsian strategik bersama pemain-pemain global, terutamanya Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan negara Asia Barat bagi memacu pertanian lestari untuk kebaikan Malaysia dan dunia.

"Kami akan mengadakan 11 pertukaran Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU), 50 potensi perniagaan, serta penyertaan daripada 20 PKS tempatan dan jabatan serta agensi di bawah MAFI pada minggu ini.

"Ini adalah peluang menarik untuk kami menampilkan amalan pertanian terbaik, inovasi pintar dan sumber asli kaya di Malaysia yang menyumbang kepada keselamatan makanan, penjana kekayaan, perlindungan

alam sekitar serta mata pencarian yang mapan," katanya dalam satu kenyataan di Putrajaya semalam.

Beliau menambah bahawa ekspo itu adalah peluang terbaik untuk meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan antara Malaysia dan UAE melalui pembangunan pertanian lestari.

Kedua-dua negara bersedia untuk memanfaatkan kekuatan masing-masing bagi meningkatkan usaha pertanian lestari ke peringkat yang lebih tinggi.

MAFI dijangka menarik kira-kira 2,000 pelawat dan delegasi sepanjang

Minggu Pertanian Lestari melalui pelbagai program dan aktiviti, seperti pameran, pelancaran produk-produk, pertukaran dokumen, demonstrasi masakan dan produk, koktel rangkaian, padanan perniagaan dan cermah poket.

Kandungan program itu akan dijalankan berdasarkan lapan bidang tumpuan yang menampilkan kekuatan Malaysia dalam pertanian lestari termasuklah kesejahteraan daripada biodiversiti, buah-buahan tanah tropika dan hasil sampingannya, pertanian bandar pintar, penyelesaian pertanian pintar, sisa kepada kekayaan, masakan lestari, teknologi dan penyelesaian pertanian terkini, serta peluang pelaburan untuk kelestarian pertanian.



Ronald Kiandee



12 FEB, 2022

MAFI yakin capai pelaburan RM350 juta di Ekspo 2020 Dubai

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) komited untuk mencapai sasaran pelaburan bernilai RM350 juta sepanjang Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai. MAFI sebagai hos akan menerajui tema minggu itu di Pavilion Malaysia dari 21 hingga 26 Februari 2022, dengan Malaysian Bio-economy Development Corporation (Bioeco - no my Corporation) sebagai agensi pelaksana.

12 FEB, 2022

MAFI sasar pelaburan RM350 juta di Dubai

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI sasar pelaburan RM350 juta di Dubai

Peluang terbaik untuk tingkatkan hubungan dua hala dan perdagangan antara Malaysia dengan UAE

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasarkankan pelaburan bernilai RM350 juta sepanjang Minggu Pertanian Lestari di Expo 2020 Dubai, kata Menteriinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, MAFI sebagai hos akan menerajui tema minggu itu di Paviliun Malaysia dari 21 hingga 26 Februari dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana.

Menurut Ronald, kementerian komited untuk mencapai sasaran pelaburan tersebut antaranya dengan memupuk hubungan dan perkongsian strategik bersama pemain-pemain global, terutama dari

“Ini merupakan peluang menarik untuk kami menampilkan amalan pertanian terbaik, inovasi pintar, dan sumber asli kaya di Malaysia yang menyumbang kepada keselamatan makanan, penjaanaan kekayaan, perlindungan alam sekitar, dan mata pencarian yang mampan.”

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan negara-negara Timur Tengah bagi memacu pertanian lestari untuk kebaikan Malaysia serta dunia.

Beliau berkata, pihaknya

akan mengadakan 11 pertemuan dokumen Memorandum Persefahaman (MoU), 50 potensi perniagaan, penyertaan daripada 20 Pertuisahaan Kecil dan Sederhana

tempat dan jabatan serta agensi di bawah MAFI pada minggu tersebut.

“Ini merupakan peluang menarik untuk kami menampilkan amalan pertanian terbaik, inovasi pintar, dan sumber asli kaya di Malaysia yang menyumbang kepada keselamatan makanan, penjaanaan kekayaan, perlindungan alam sekitar, dan mata pencarian yang mampan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Ronald berkata, ekspso itu merupakan peluang terbaik untuk meningkatkan hubungan dua hala dan perlagangannya antara Malaysia dengan UAE melalui pembangunan pertanian lestari seterusnya membawa ia ke peringkat yang lebih tinggi.

Kira-kira 2,000 pelawat

dan delegasi dijangka mengunjungi Paviliun Malaysia sepanjang Minggu Pertanian Lestari itu melalui pelbagai program dan aktiviti yang disediakan seperti pameran, pelancaran produk, pertukaran dokumen, demonstrasi masakan dan produk, koktel rangkaian, perniagaan dan ceramah poket.

Kandungan program-program itu akan dijalankan berdasarkan lapar bidang tumpuan yang menampilkan kekuatan Malaysia dalam pertanian lestari termasuk kesejahteraan daripada biodiversiti; buah-buahan dan hasil pertanian tropika dan hasil sampingannya; pertanian bandar pintar dan penyelesaian pertanian pintar.

Bidang-bidang lain adalah sisa kepada kekayaan, ma-

sakan lestari; teknologi dan penyelesaian pertanian terkini serta peluang pelaburan untuk kelestarian pertanian.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai Minggu Pertanian Lestari di bawah MAFI, boleh melayari (<https://www.mafi-events.com>).

Bioeconomy Corporation yang ditubuhkan pada 2005 merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia antara lain berperanan memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, penyelidikan dan pembangunan serta infrastruktur kewangan. — Bernama



12 FEB, 2022

MAFI sasar pelaburan RM350 juta di Dubai

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Peluang terbaik untuk meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan antara Malaysia dengan UAE

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan pelaburan bernilai RM350 juta sepanjang Minggu Pertanian Lestari di Expo 2020 Dubai, kata Menteri Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. Beliau berkata, MAFI sebagai hc akan menerajui tema minggu itu di Pavilion Malaysia dari 21 hingga 26 Februari dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana.



12 FEB, 2022

MAFI sasar pelaburan RM350 juta

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

MAFI sasar pelaburan RM350 juta

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) komited untuk mencapai sasaran pelaburan bernilai RM350 juta sepanjang Minggu Pertanian Lestari di Expo Dubai 2020.

MAFI sebagai hos akan menerajui tema minggu itu di Pavillion Malaysia dari 21 hingga 26 Februari 2022, dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, MAFI sedang berusaha keras untuk mencapai sasaran pelaburan tersebut dengan memupuk hubungan dan perkongsian strategik bersama pemain-pemain global, terutama Emiriah



RONALD Klandee melihat produk makanan buatan Malaysia yang dipamerkan di Minggu Pertanian Lestari di EXPO Dubai 2020.

Arab Bersatu (UAE) dan negara-negara Asia Barat bagi memacu pertanian lestari untuk kebajikan Malaysia dan dunia.

"Kami akan mengadakan 11

pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU), 50 potensi perniagaan, serta penyertaan daripada 20 PKS tempatan dan jabatan serta

agensi di bawah MAFI pada minggu ini.

"Ini merupakan peluang menarik untuk kami menampilkan amalan pertanian terbaik, inovasi pintar, dan sumber asli kaya di Malaysia yang menyumbang kepada keselamatan makanan, penjanaan kekayaan, perlindungan alam sekitar, dan mata pencarian yang mampan," katanya dalam kenyataan.

Beliau menambah, ekspso itu adalah peluang terbaik untuk meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan antara Malaysia dan UAE melalui pembangunan pertanian lestari.

Kedua-dua negara bersedia untuk memanfaatkan kekuatan masing-masing bagi meningkatkan usaha pertanian lestari ke peringkat yang lebih tinggi, katanya.



12 FEB, 2022

MAFI sasar pelaburan RM350 juta

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) komited untuk mencapai sasaran pelaburan bernilai RM350 juta sepanjang Minggu Pertanian Lestari di Expo Dubai 2020. MAFI sebagai hos akan menerajui tema minggu ini di Pavilion Malaysia dari 21 hingga 26 Februari 2022, dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2022	BERITA MEDIA CORP	ONLINE	

M'sia cadang jadikan Tok Bali pelabuhan hab halal sumber makanan di rantau Asia

Kerajaan Malaysia bercadang untuk menjadikan Tok Bali sebagai pelabuhan hab halal sumber makanan di kawasan rantau Asia pada masa hadapan, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.



(Gambar: BERNAMA)

PASIR PUTEH: Kerajaan Malaysia bercadang untuk menjadikan Tok Bali sebagai pelabuhan hab halal sumber makanan di kawasan rantau Asia pada masa hadapan, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Menurutnya, melalui Pelabuhan Tok Bali, segala produk halal akan dieksport ke luar negara kerana berada di laluan laut yang cukup strategik dengan beberapa negara lain.

"Rakyat juga tidak perlu bimbang apabila produk yang diimport dari negara China misalnya, ia akan singgah di pelabuhan Tok Bali terlebih dahulu untuk memastikan produk tersebut adalah halal.

"Saya cukup yakin pelabuhan ini akan menjadi pusat perdagangan yang terkemuka suatu hari nanti," katanya kepada pemberita ketika merasmikan Program Jualan Keluarga Malaysia di Bandar Baharu Pasir Puteh hari ini (12 Feb).

Mengulas lanjut, Dr Nik Zawawi yang juga merupakan Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata kerajaan juga bercadang untuk membina sebuah kilang sardin di Tok Bali yang akan bermula menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Sebelum ini, Kementerian Kewangan meluluskan insentif cukai khas untuk memacu pelaburan di Kelantan, yang akan memberi manfaat kepada Tok Bali sebagai pusat pertumbuhan baru di negeri ini dengan memberikan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus selama 15 tahun dan cukai pendapatan pada kadar istimewa 17 peratus bagi lima tahun berikutnya.



12 FEB, 2022

PJKM Parlimen Mukah 25-26 Feb di Pasar Raya Nam Leong Dalat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



BINCANG: Salihin (tengah) ketika mempengerusikan mesyuarat di pejabat KPDNHEP Mukah kelmarin.

PJKM Parlimen Mukah 25-26 Feb di Pasar Raya Nam Leong Dalat

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bagi Parlimen Mukah akan dilaksanakan pada 25 dan 26 Februari ini bertempat di Pasar Raya Nam Leong Dalat.

Menurut Ketua Cawangan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah, Salihin Den, program itu akan dijalankan selama empat jam bermula 10 pagi hingga 2 petang sepanjang dua hari tersebut.

"Inisiatif utama program ini adalah untuk membantu mengurangkan kos sara hidup yang tinggi ketika ini," katanya selepas mesyuarat di pejabat KPDNHEP Mukah kelmarin.

Kata Salihin, konsep program ini akan membolehkan rakyat mendapatkan barang keperluan asas harian seperti gula, tepung gandum, beras, minyak masak, makanan diproses, telur, sayur-sayuran dan lain-lain lagi dengan harga yang lebih murah berbanding harga pasaran semasa.

Beliau menjelaskan pihaknya juga bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi memastikan pengguna mendapat harga barangan seminimum mungkin.

Sehubungan itu, katanya, orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi PJKM pada kali ini bagi menikmati manfaat yang disediakan.

"PJKM pertama bagi Parlimen Mukah diadakan pada 25 dan 26 Januari lalu di kawasan parkir Pasar Raya Gatu Mukah," ujarnya.

Bagi PJKM Parlimen Igan pula, ia bakal berlangsung pada 24 dan 25 Februari ini di Daro.

PJKM peringkat nasional telah dilancarkan pada Disember tahun lepas di ibu negara.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Timbalan Ketua Cawangan KPDNHEP Mukah Mohamad Rizal Sche, Pegawai LKIM Mukah Awang Khairul Awang Sapian dan Pegawai FAMA Mukah Mohd Aslia Samsudin.



12 FEB, 2022

PJKM Parlimen Mukah 25-26 Feb di Pasar Raya Nam Leong Dalat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BINCANG:Salihin (tengah) ketika mempengerusikan mesyuarat di pejabat KPDNHEP Mukah kelmarin.

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) bagi Parlimen Mukah akan dilaksanakan pada 25 dan 26 Februari ini bertempat di Pasar Raya Nam Leong Dalat. Menurut Ketua Cawangan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Mukah, Salihin Den, program itu akan dijalankan selama empat jam bermula 10 pagi hingga petang sepanjang dua hari tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Penduduk gembira Program Jualan Keluarga Malaysia di Felda Sungai Koyan



WAN ROSDY Wan Ismail (tengah) melawat gerai hasil pertanian sempena lawatan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Laman Sejahtera, Felda Sungai Koyan Satu di Lipis, Pahang. - FOTO/HARIS FADILAH AHMAD

LIPIS: Kerajaan Negeri Pahang berpuas hati dengan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dikendalikan Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang yang membantu meringankan kos sara hidup penduduk yang

berpendapatan rendah.

Menteri Besar, Datuk Seri [Wan Rosdy Wan Ismail](#) berkata, PJKM perlu dilaksanakan di kawasan pinggir bandar, Felda dan kampung supaya memudahkan pengguna atau penduduk berpendapatan rendah berbelanja barang keperluan dapur.

“Pada masa yang sama PJKM boleh membantu pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) daripada kampung dan Felda memasarkan hasil seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan produk makanan kering keluaran sendiri.

“PJKM yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 2 Disember tahun lalu perlu dimanfaatkan oleh penduduk luar bandar.

“Ini kerana kuasa membeli dan permintaan semakin banyak khususnya barang keperluan dapur lebih-lebih lagi menjelang bulan Ramadan,” katanya kepada pemberita selepas meninjau PJKM di Laman Sejahtera, Felda Sungai Koyan Satu di sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Seksyen Perdagangan Dalam Negeri, Pejabat KPDNHEP negeri, Fatin Najwa Hasbullah.

Wan Rosdy berpuas hati PJKM di Felda Sungai Koyan Satu yang dilaksanakan selama dua hari berjaya mengetengahkan pengusaha IKS memasarkan produk keluaran sendiri dan hasil pertanian dengan harga cukup murah bagi kemudahan orang ramai.

“Kerajaan negeri juga berterima kasih kepada rakan strategik KPDNHEP Pahang, iaitu pasar raya dan peniaga tempatan yang membantu menjual barang keperluan dapur di PJKM berasaskan harga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran untuk keselesaan pengguna berbelanja,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jelai berkata, kerajaan negeri juga berterima kasih atas kerjasama antara KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan serta agensi di bawahnya berusaha terus menerus menangani kenaikan harga barang di negara ini.

Dalam pada itu, Wan Rosdy meminta peruncit dan peniaga di luar bandar termasuk yang menyertai PJKM supaya menjual sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk ternakan ikan lebih murah daripada harga pasaran untuk keselesaan penduduk berpendapatan rendah berbelanja.

“Hal ini sekali gus meringankan beban penduduk yang mana ada sesetengahnya masih lagi dalam tempoh pemulihan banjir serta tekanan pendapatan berikutan ancaman pandemik Covid-19 sejak dua tahun lalu,” katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Orang Asli Betau, Lijah Anjang, 45, berkata, dia berpeluang keluar berbelanja barang keperluan di PJKM untuk tempoh dua minggu dengan harga yang murah berbanding tempat lain.

“Lebih elok PJKM kerap diadakan di Sungai Koyan Satu, kerana penduduk Orang Asli pedalaman Ulu Jelai dapat keluar berbelanja dan tidak perlu lagi ke bandar Kuala Lipis dan Raub yang agak jauh dari tempat kami,” katanya.

Penduduk Orang Asli Kampung Simoi Baru, Sabri Sigon, 50, pula berkata, dia dapat dapat berbelanja barang makanan dengan kadar 20 peratus jauh lebih rendah sekali gus dapat menjimatkan wang untuk keperluan lain.

“Kita (Orang Asli) yang kebanyakannya mempunyai pendapatan yang kecil di kampung cuma mengharapkan barang keperluan dapur dengan harga yang murah dan kemudahan berbelanja PJKM memperoleh semua barang yang dikehendaki serta berpuas hati,” ujarnya. –UTUSAN